

Khairy tekad terus berjuang

BH - 10/2/2006

Hargai sokongan akar umbi Pemuda untuk beri khidmat terbaik demi parti

Oleh Veena Rusli

KOTA BELUD: Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin semalam, secara terbuka menyatakan tekadnya untuk meneruskan perjuangan bersama sayap parti itu selagi khidmatnya diperlukan.

Beliau berkata, apa yang disuarakannya baru-baru ini sejajar dengan prinsip kepemimpinan dan bukan hasrat meletak jawatan seperti di sangka sesetengah pihak, termasuk ahli Pemuda.

"Saya ucapkan terima kasih kepada peringkat akar umbi kerana membuat pendirian mahu saya terus berjuang bersama sayap kanan parti ini.

"Bukanlah saya nak berbangga, tetapi saya hanya menjalankan tugas. Selagi mereka berpendapat saya boleh menjalankan tanggungjawab dengan baik dan membantu Datuk Hisham (Ketua Pemuda, Datuk Seri Hishammuddin Hussein), saya akan teruskan kerja," katanya kepada pemberita selepas perasmian majlis penutup mesyuarat Pemuda Umno Bahagian Kota Belud dan pembukaan mesyuarat Pemuda Umno Bahagian Kota Marudu, di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pemuda Umno Sabah yang juga Ketua Pemuda Umno Bahagian Kota Belud, Japlin Akim dan Ketua Pemuda Umno Kota Marudu, Watron Bahanda.

Mengenai tindakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, membuat pen-

jelasan mengenai pelbagai isu termasuk yang berkaitan dirinya sebagai menantu Perdana Menteri, Khairy mengakui tidak melihat keperluan itu di peringkat awalnya.

"Mulanya saya berpendapat tidak perlu dijawab mengenai pembabitan atau peranan saya dan sebagainya tetapi bila sampai ke tahap ada pihak menganggap tuduhan itu betul kerana didiamkan, kita tidak boleh biarkan ia merebak.


"Perdana Menteri membuat keputusan tepat pada masanya kerana kita lihat spekulasi sudah mencecah ke tahap tidak rasional atau logik, maka perlu ada penjelasan muktamad daripada beliau," katanya.

Melahirkan keyakinan majoriti rakyat dapat menerima penjelasan Abdullah, Khairy bagaimanapun tidak menolak masih ada pihak enggan menerima jawapan pemimpin tertinggi kerajaan itu.

Sambil menegaskan tiada keperluan bagi kerajaan atau pemimpin mengulangi jawapannya, katanya, penolakan terhadap penjelasan itu harus dianggap semua pihak sebagai keadaan 'setuju untuk tidak bersestuju'.

Khairy berkata, beliau tidak berasa tertekan walaupun terpaksa membuat penjelasan termasuk hal yang menyentuh isu peribadi kepada pelbagai pihak kerana menyifatkan-nya sebagai tanggungjawab ahli politik.

Rakyat di akar umbi, tegasnya, akan keliru jika tidak dibekalkan dengan maklumat sebenar dan me-



PENUH SEMANGAT: Khairy ketika berucap pada majlis penutup mesyuarat Pemuda Umno Bahagian Kota Belud dan pembukaan mesyuarat Pemuda Umno Bahagian Kota Marudu, di Kota Belud, semalam.

reka perlu diyakinkan bahawa pemimpin Umno tidak melakukan kesalahan dari segi moral, politik atau peraturan.

"Saya akan terus memberi penjelasan tetapi saya harap kita tidak terlalu taksud dengan isu ini kerana banyak perkara lebih penting perlu dilakukan, termasuk menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)," katanya.

Sementara itu, Khairy ketika berucap merasmikan mesyuarat Pemu-

“Saya cuma menyatakan prinsip kepemimpinan dan kita harus mendengar kata akar umbi kerana mereka yang memberi sokongan”

Khairy Jamaluddin
Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno

da Umno Bahagian Keningau, Pensiangan, Tenom dan Ranau, dekat sini berkata, gerakan penerangan oleh ahli pergerakan itu mesti dibuat berdasarkan kepada fakta.

"Kita mahit Pemuda bercakap benar dan menggunakan fakta sebagai penyokong hujah. Jangan sesekali menyimpan niat untuk menikam dari belakang kerana perbuatan itu akan melemahkan Umno dan bakal jadi modal politik pembangkang," katanya.

DATU RUSLIAN SULAI | BERITA HARIAN